

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1989/90

Oktober/November 1989

RGW 151 Ekonomi Untuk PBP

Masa : (2 Jam)

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Kertas peperiksaan ini mengandungi TUJUH(7) soalan yang dibahagikan kepada DUA (2) Bahagian, A dan B.

Jawab EMPAT (4) soalan: DUA (2) daripada Bahagian A dan DUA (2) daripada Bahagian B.

Bahagian A

1. (a) Kadar faedah ialah harga yang dibayar untuk penggunaan wang modal. Huraikan Dua (2) faktor yang menyebabkan tingkat kadar faedah berbeza.
(10 Markah)
- (b) Upah merupakan pembayaran ke atas perkhidmatan fizikal dan mental yang disediakan oleh tenaga kerja untuk pengusaha.
 - (i) Nyatakan perbezaan di antara upah wang dan upah benar.
(5 Markah)
 - (ii) Huraikan Tiga (3) faktor yang boleh mewujudkan perbezaan upah di kalangan individu.
(10 Markah)
2. Pengeluaran berskel besar dianggap lebih cekap dari pengeluaran berskel kecil. Faedah-faedah ekonomi akibat dari pengeluaran berskel besar boleh dibahagikan kepada ekonomi dalam dan ekonomi luar.

...2/-

- (a) Terangkan maksud istilah ekonomi dalam dan ekonomi luar.
(5 Markah)
- (b) Huraikan Lima (5) keadaan apabila ekonomi dalam dapat wujud, misalnya ekonomi pemasaran.
(20 Markah)
3. Pasaran dalam bidang ekonomi mempunyai maksud tersendiri. Dalam struktur pasaran terdapat dua jenis pasaran iaitu pasaran persaingan sempurna dan monopoli.
- (a) Nyatakan maksud istilah pasaran.
(5 Markah)
- (b) Huraikan Dua (2) ciri yang membezakan antara pasaran monopoli dan persaingan sempurna.
(10 Markah)
- (c) Huraikan Dua (2) punca utama pasaran monopoli boleh wujud atau diwujudkan.
(10 Markah)

Bahagian B

4. Dasar ekonomi sesebuah negara akan mempengaruhi industri binaan negara tersebut. Secara amnya pengurusan ekonomi sesebuah negara diimplementasikan berdasarkan dua polisi belanjawan untuk mencapai objektif-objektif yang tertentu.
- (a) Huraikan Dua (2) objektif kerajaan dalam menguruskan ekonomi negara.
(10 Markah)
- (b) Huraikan secara ringkas polisi fiskal dan polisi kewangan yang digunakan sebagai dasar belanjawan negara.
(15 Markah)

5. Setiap industri mempunyai sifat-sifatnya tersendiri. Industri binaan adalah unik daripada beberapa aspek jika dibandingkan dengan industri lain.

(a) Terangkan istilah 'pembinaan' dan bahagian-bahagian yang tidak dimasukkan dalam istilah 'pembinaan'.

(5 Markah)

(b) Huraikan Empat (4) sifat industri binaan yang boleh membezakan industri binaan daripada industri lain seperti perkilangan.

(20 Markah)

6. Firma binaan (kontraktor) menjalankan kerja-kerja pembinaan. Dari sudut ekonomi firma binaan ialah pengusaha yang mengeluarkan barang untuk pasaran.

(a) Firma binaan boleh dibahagikan kepada beberapa jenis. Terangkan Dua (2) jenis firmabinaan yang beroperasi dalam industri binaan.

(10 Markah)

(b) Huraikan apa yang dimaksudkan dengan sistem tender dan tender kompetitif.

(15 Markah)

7. Industri binaan boleh diklasikan kepada beberapa sektor utama. Pengelasan ini digunakan untuk merangka polisi kerajaan, mengukur pertumbuhan industri dan menganalisis permintaan dan penawaran.

Huraikan sektor-sektor yang disenaraikan di bawah dengan mengambilkira jenis bangunan, tujuan dan permintaan yang berhubung dengannya.

(a) Sektor Perumahan

(8 Markah)

(b) Sektor Bangunan Industri dan Komersial

(8 Markah)

(c) Sektor Pembinaan untuk kemudahan awam

(9 Markah)